



**INTERNATIONAL JOURNAL OF  
MODERN EDUCATION  
(IJMOE)**

[www.ijmoe.com](http://www.ijmoe.com)



## **PEMERKASAAN PENDAKWAH MUALAF DENGAN ILMU KECERDASAN SPIRITUAL DI MUIP**

*EMPOWERMENT OF CONVERTED PREACHERS WITH SPIRITUAL  
INTELLIGENCE KNOWLEDGE IN MUIP*

Sh. Mohd Firdaus Sh. Othman<sup>1\*</sup>, Rohana Hamzah<sup>2</sup>, Ahmad Muhamimin<sup>3</sup>, Asmadi Abdul Rahman<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang, Malaysia

Email: fdaus116@gmail.com

<sup>2</sup> Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang, Malaysia

Email: rohanahamzah@umpsa.edu.my

<sup>3</sup> Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang, Malaysia

Email: ahmadmuhamimin049@gmail.com

<sup>4</sup> Majlis Ugama Islam Pahang

Email: asmadiabdulrahman@gmail.com

\* Corresponding Author

### Article Info:

#### Article history:

Received date: 30.10.2023

Revised date: 28.11.2023

Accepted date: 07.12.2023

Published date: 14.12.2023

#### To cite this document:

Othman, S. M. F. S., Hamzah, R., Muhamimin, A., & Rahman, A. A. (2023). Pemerkasaan Pendakwah Mualaf Dengan Ilmu Kecerdasan Spiritual Di MUIP. *International Journal of Modern Education*, 5 (19), 191-207.

DOI: 10.35631/IJMOE.519014

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



### Abstrak:

Kajian ini bertujuan mengenalpasti pengetahuan, pengalaman pembelajaran dan keperluan modul ilmu kecerdasan spiritual (kerohanian) dalam kalangan pendakwah mualaf lantikan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP). Kaedah kajian kualitatif menggunakan instrumen temubual digunakan untuk mengumpul data daripada peserta kajian. Instrumen temubual telah dibina berdasarkan objektif kajian dan telah melalui proses pengesahan oleh pakar sebelum digunakan dalam kajian sebenar. Peserta kajian dipilih secara rawak daripada senarai pendakwah mualaf yang mendaftar dan dilantik oleh MUIP. Mereka terdiri daripada pelbagai bangsa iaitu Orang Asli, Cina dan India. Temubual dilaksanakan secara bersempua dan dalam talian bergantung faktor lokasi dan masa responden. Semua rakaman temubual diterjemahkan ke bentuk teks berbantukan aplikasi *Inscribe*. Jawapan responden dianalisa dan dikategorikan mengikut tema. Dapatkan kajian menunjukkan 60% responden mempunyai tahap pengetahuan ilmu kecerdasan spiritual samaada pada tahap rendah dan sederhana. Sebahagian responden (50%) menyatakan mereka mendapat pendedahan kepada ilmu kecerdasan spiritual secara formal dan sebahagian lagi secara tidak formal. Majoriti responden (80%) menyatakan mereka memerlukan ilmu kecerdasan spiritual untuk memberi kekuatan dalam dan memantapkan usaha dakwah mereka. Oleh itu, terdapat keperluan untuk membina Modul Ilmu Kecerdasan Spiritual dan menyampaikan ilmu tersebut secara lebih formal dan terancang kepada pendakwah mualaf dan

seterusnya membantu memperkasakan lagi usaha dakwah di Malaysia.

**Kata Kunci:**

Dakwah, Pendakwah, Mualaf, Kecerdasan Spiritual, Akhlak

**Abstract:**

The study aims to identify the knowledge, learning experience, and needs of the module of spiritual intelligence training and modules among converted preachers appointed by the Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP). A qualitative method using an interview instrument is used to collect data from the respondents. The interview instrument has been constructed based on the research objectives and has undergone a process of validation by experts. The respondents were randomly selected from a list of converted preachers who have registered and appointed by MUIP. They are from diverse ethnic backgrounds such as Orang Asli, Chinese, and Indians. The interview is conducted face-to-face and online, depending on the location and time factors of the respondent. All interview recordings are translated into text using the Inscribe application. Respondent answers are analysed and categorised by theme. The survey showed that 60% of respondents had spiritual intelligence knowledge at low and medium levels. Some respondents (50%) said they were exposed to the spiritual intelligence knowledge formally and some informally. The majority of respondents (80 %) said they needed the spiritual intelligence knowledge to strengthen themselves internally and consolidate their reputation. Therefore, there is a need to construct a module on spiritual intelligence knowledge and deliver as a formal education program to the converted preachers to strengthen the preaching efforts in Malaysia.

**Keywords:**

Preaching, Preacher, Convert, Spiritual Intelligence, Attitude

## Pendahuluan

Majoriti masyarakat kini menghadapi masalah keruntuhan akhlak dan moral (Desa@Man, Tengku Puji & Mohamad, 2018; Tan & Abiddin, 2016). Justeru itu, betapa penting pembangunan insan terutama dalam pendidikan dan dakwah bertujuan meningkatkan potensi insan secara holistik dan seimbang seperti mana dinyatakan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Justeru, pendidikan dalam Islam menawarkan usaha pembangunan insan secara holistik dengan memberi fokus kepada ilmu hakikat kejadian manusia yang terdiri; jasmani, akal, jiwa, dan insan keseluruhannya. Selain itu, Islam menekankan pembangunan manusia meliputi pembangunan *maddi* (material) dan *maknawi* (*spiritual*). Menurut Meerangani, (2019) cabaran utama pendakwah terhadap golongan bukan Islam (*non-Muslim*) iaitu dari konteks pemahaman, penguasaan ilmu, dan gerak kerja.

Dalam usaha melahirkan sebuah masyarakat yang seimbang dan harmoni, Islam perlu dijadikan panduan dalam cara hidup dengan sempurna. Bagi memastikan masyarakat terutamanya rakyat Negeri Pahang menghayati ajaran Islam dengan sempurna dalam semua aspek kehidupan seperti akidah, ekonomi, sosial dan pendidikan, sebuah institusi keagamaan seperti Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Negeri Pahang (MUIP) sangat

diperlukan. Oleh itu, MUIP berperanan penting bagi memastikan setiap tuntutan agama Islam dapat dilaksanakan seiring dengan Seksyen 5 Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 (Undang-undang Negeri Pahang, 1991) menyatakan;

*“Membantu dan menasihati Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan berkenaan dengan semua perkara yang berhubungan dengan agama Islam dan adat resam Melayu, kecuali perkara yang berkaitan dengan Hukum Syarak dan yang berhubungan dengan pentadbiran keadilan, setakat yang mengenai Negeri Pahang, dan dalam semua perkara tersebut hendaklah menjadi pihak berkuasa utama dalam Negeri Pahang selepas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan kecuali jika diperuntukkan selainnya dalam Enakmen ini atau mana-mana Enakmen yang berhubungan dengan agama Islam”.*

Perkara kedua menyatakan:

*“Pada melaksanakan fungsinya, Majlis hendaklah mempunyai kuasa membincangkan dan menjalankan semua aktiviti berkaitan dengan pembangunan agama Islam dan adat resam Melayu”.*

Selain itu, MUIP berperanan menguruskan hal ehwal mualaf seperti pendaftaran, pendidikan, dan melantik pendakwah dalam kalangan mualaf bertujuan meningkatkan usaha dakwah golongan mualaf dan bukan Muslim di negeri Pahang. Sehingga tahun 2023, MUIP telah melantik seramai 78 orang pendakwah dalam kalangan; Orang Asli (OA), Cina, dan India melalui proses temuduga serta mengikuti kursus pemerkasaan dakwah (Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang, 2023). Antara tujuan utama MUIP melantik pendakwah mualaf dalam kalangan berbilang bangsa adalah sebagai pemudah cara usaha dakwah melalui komunikasi menggunakan persekitaran dan bahasa ibunda golongan berkenaan.

Pelbagai usaha telah dijalankan bagi memastikan pendakwah mualaf diberikan kemahiran dan latihan bertujuan memantapkan jati diri sebagai pendakwah. Tinjauan literatur mendapati ilmu kecerdasan spiritual perlu diterapkan dalam kalangan pendakwah mualaf seiring cabaran dakwah semasa. Permulaan keperluan ilmu spiritual kepada pendakwah adalah merujuk kepada Rasulullah SAW sendiri. Menurut Najati (1992) perkara utama diterapkan oleh Baginda dalam usaha dakwah kepada jiwa orang-orang Arab ialah kecerdasan spiritual.

Namun, apabila membincangkan tentang ilmu kecerdasan spiritual, ia banyak dipengaruhi oleh perkembangan ilmu kecerdasan spiritual dari barat yang dipelopori oleh Zohar dan Marshal (2004). Walaupun asas kepada keperluan ilmu kecerdasan spiritual adalah sama iaitu keperluan untuk membentuk perilaku manusia di atas nilai dan makna hidup yang lebih luas, namun ia tetap diserapi oleh pemikiran sekularisme (Sudi, Md Sham & Yama, 2017).

Dalam erti kata lain, kecerdasan spiritual dari perspektif barat boleh dimiliki oleh orang yang memiliki atau tidak memiliki kepercayaan kepada Tuhan seperti mana ungkapan “*spiritual but not religious*” (Keneson, 2015). Apabila kecerdasan spiritual dan nilai agama dipisahkan, sekali lagi kecerdasan spiritual dari perspektif barat membuka ruang ke arah memerangkap manusia dalam isu nilai dan makna kehidupan yang sempit iaitu mengikut kehendak hawa nafsu (Jumahat & Abdullah, 2014).

Malah, sekiranya berhubung dengan agama sekalipun mereka menerima konsep akidah bertunjangan fahaman politeisme iaitu pengangan akidah yang mengakui banyak tuhan dan menolak keesaan Tuhan. Fahaman sebegini membuka ruang kepada lahirnya golongan pluralisme agama dan perbuatan syirik dalam beragama (Isma'il al-Nabhani, 2013). Manakala, ilmu kecerdasan spiritual berdasarkan ajaran Islam yang menekankan konsep tauhid amat signifikan memberi impak mendalam untuk membentuk, membersihkan jiwa, menjauhi adat jahiliah, mengosongkan akal dari khurafat dan syirik. Oleh itu, kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap pengetahuan dan pengalaman pendakwah mualaf berkaitan ilmu spiritual. Kajian ini juga bertujuan mengenal pasti adakah ilmu kecerdasan spiritual diperlukan oleh pendakwah mualaf untuk memantapkan usaha dakwah mereka. Kajian ini hanya melibatkan pendakwah mualaf yang berdaftar dengan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Negeri Pahang dan ilmu kecerdasan spiritual dalam dakwah.

### Kepentingan Ilmu Kecerdasan Spiritual Dalam Dakwah

Menurut Kamaruzzaman & Mohd Omar (2021), Islam merupakan teras memperkasakan dakwah, ilmu pengetahuan, kerohanian, dan akhlak bertujuan menghasilkan masyarakat dan individu seimbang ke arah pembinaan kesejahteraan ketamadunan. Selain itu, keseimbangan pembangunan perlu berpaksikan kerohanian agar manusia patuh dan taat kepada syariat ditetapkan Allah (Tamuri, 2021). Al-Dzaki, Bakaran & Dzikry (2006) menyatakan wujud elemen mengenal Tuhan, benar (*siddiq*), amanah, menyampaikan atau berdakwah (*tabligh*), berkekalan (*istiqamah*), dan ikhlas yang melambangkan domain ibadah dan akhlak dalam kecerdasan rohaniah. Seterusnya kecerdasan rohani ditekankan Sheikh Sa'id Hawwa bertujuan membantu individu membina kekuatan bangkit dalam apa jua situasi atau musibah (Abdul Mutualib, Ahmad, Baharuddin & Md Hamdani, 2021).

Hamzah, Md Isa & Mohd Jonor (2010) menjelaskan kesedaran keesaan Tuhan (*rabb dan ilah*) dan konsep kehambaan hanya kepada Allah SWT amat diperlukan dalam membangunkan kecerdasan spiritual kepada individu. Kajian Jumahat et al. (2014) mengenai Pembinaan Kerangka Konsep dan Eksplorasi Awal Model Pengukuran Kecerdasan Spiritual dari Perspektif Islam menjelaskan tentang satu kerangka konsep dan eksplorasi awal model pengukuran kecerdasan spiritual dari perspektif Islam berpaksikan paradigma tauhid. Manakala kajian Sudi et al. (2017) mengenai Kecerdasan Spiritual; Kupasan Perspektif hadis menyatakan elemen rasa taqwa, kecintaan yang tinggi kepada Allah S.W.T dan Rasul, yakin diri dan memiliki kekuatan kesabaran merupakan elemen penting dalam kecerdasan spiritual.

Manakala kajian Hanefar, Siraj & Sa'ari (2015), berkenaan dengan aplikasi Analisis Kandungan ke arah Pembangunan Model Kecerdasan Rohani untuk Kecemerlangan Insan menyatakan elemen penyucian jiwa dalam kecerdasan spiritual ialah individu mempunyai kecenderungan mendekatkan diri kepada Allah. Kajian oleh Rahman & Muhamad (2022), berkaitan dengan Praktikaliti Kecerdasan Emosi dalam Aspek Kehidupan Rasulullah dan Kesannya Kepada Kesihatan Psikologi, kecerdasan emosi dapat dilihat dari pelbagai sudut kehidupan Rasulullah seperti guru, ketua keluarga, pendakwah dan pejuang kebenaran. Kecerdasan emosi yang tinggi dan tepat mempengaruhi kesihatan psikologi pada pelbagai situasi kehidupan. Hal ini membuktikan bahawa aspek spiritual yang kuat dalam peribadi Rasulullah sebagai pendakwah perlu dicontohi dalam keberkesanan penyampaian dakwah Islam.

Kajian Rani et al. (2022) mengenai Pemerkasaan Modul Pendidikan Mualaf Aspirasi Kecemerlangan Pembangunan Ilmu di Negeri Selangor berkenaan dengan modul pembangunan ilmu didapati menepati objektif pendidikan ilmu mualaf di Selangor dengan memiliki keseimbangan antara IQ (kecerdasan fikiran), EQ (kecerdasan emosi) dan SQ (kecerdasan spiritual) untuk kecemerlangan diri. Namun, kajian ini berfokus kepada pembangunan pendidikan dari aspek spiritual bagi mualaf sahaja dan bukan pendakwah mualaf.

Kecerdasan spiritual merupakan salah satu elemen sangat penting dalam pembentukan keperibadian individu (Sudi et al., 2020). Apatah para pendakwah adalah individu yang bertanggungjawab mengubah individu lain ke arah kebaikan, dan dalam konteks kajian ini, dakwah untuk menerima ajaran agama Islam. Seterusnya kajian Badruddin et al. (2021) mendapati terdapat perkaitan signifikan antara kecerdasan spiritual atau kerohanian dengan kesihatan kerohanian sekaligus menunjukkan kelebihan pendidikan Islam dan kerohanian kepada kesejahteraan manusia. Manakala pengabaian pembangunan kerohanian sebaliknya tumpuan kemajuan kebendaan memungkinkan penyakit mental yang menyebabkan sifat materialistik dalam diri individu (Badrudin et al., 2021). Kecerdasan spiritual juga dikenal pasti mempunyai kaitan dengan kehidupan beragama dan kepuasan hidup dalam kalangan individu dewasa (Munawar & Tariq, 2018).

Manakala dari aspek dakwah, Mohammad Natsir menyatakan kecerdasan kerohanian (spiritual) perlu wujud (dalam diri pendakwah) sebagai antara elemen utama dakwah (Abdullah, 2012). Tinjauan literatur Burhan & Aini (2021) ke atas 12 artikel berkaitan pembangunan insan menyatakan rohani atau kerohanian (spiritual) sebagai elemen penting perlu diterapkan dalam diri pendakwah bertujuan mencapai maksud kualiti, berkebolehan, berkemahiran, dan keterampilan. Seterusnya penting dalam kalangan pendakwah mualaf mempunyai kekuatan ilmu spiritual semasa berdakwah apatah individu mualaf sendiri merasakan kecerdasan spiritual lebih baik setelah memeluk Islam (Irfan, Mubarok & Al-Asyhar, 2017). Tidak pendakwah sahaja, pembangunan kerohanian termasuk elemen lain iaitu fizikal, jasmani, dan emosi turut penting kepada mualaf bertujuan mengembangkan potensi individu (Rani et al., 2022).

### **Kecerdasan Spiritual dan Pembangunan Akhlak**

Pendidikan dalam Islam mementingkan empat elemen insan; jasmani, rohani, emosi, dan intelek sebagaimana dinyatakan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan, (Al-Jamali, 1967; Al-Nahlawi, 2005). Manakala selaku hamba kepada Maha Pencipta, maka pendidikan rohani perlu diutamakan bertujuan meningkatkan akhlak dan budi pekerti antara lain untuk memperkembangkan ilmu pengetahuan. Arifin (2014) berpendapat kesempurnaan insan boleh dicapai dengan memiliki kecerdasan intelektual dan rohani. Begitu juga amalan kerohanian mempengaruhi personaliti dan tingkah-laku yang boleh dikaitkan dengan akhlak (Saper, 2012). Seterusnya faktor dalaman (rohani) dan luaran (jasmani) dikenalpasti mempengaruhi personaliti iaitu keperibadian, tingkah laku, perangai atau perwatakan individu (Md Sham, Hamjah & Sharifudin, 2017).

Perbincangan persoalan ilmu pengetahuan akan membawa kepada kebenaran, maka metod utama penyampaiannya adalah menerusi dakwah atau pengajaran atau pendidikan. Situasi ini boleh dikaitkan dengan ayat Al-Quran pertama diturunkan;

ۚ آفْرًا بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ (۱) ۚ خَلَقَ الْإِنْسَنَ مِنْ عَلَقٍ (۲) ۚ آفْرًا وَرَبُّكَ الْأَكْرَمُ (۳) ۚ الَّذِي عَلِمَ  
ۚ بِالْقَوْلِ (۴) ۚ عَلِمَ الْإِنْسَنَ مَا لَمْ يَعْلَمْ (۵)

*“Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk [1], Ia menciptakan manusia dari sebuku darah beku; [2] Bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah; [3] Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan, [4] Ia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya. [5]” Surah Al-A’laq (1-5)*

Oleh itu, penting kepada golongan pendidik, pengajar, termasuk pendakwah mempunyai kekuatan dalaman (kerohanian) bertujuan menghadapi cabaran persekitaran semasa pada menyampaikan ilmu pengetahuan dan berdakwah kepada kebenaran (akidah dan agama Islam). Menurut Al-Qaradawi (2004), pembangunan insan mestilah dibangunkan berdasarkan keimanan seterusnya pembangunan insan ditumpukan kepada empat dimensi diri manusia; akal, rohani, fizikal dan tingkah laku.

Tinjauan literatur mendapati kekuatan rohani adalah antara keutamaan pendakwah bertujuan membentuk kekuatan dalaman, keperibadian, pembinaan akhlak dan adab bertujuan menghasilkan pendakwah berkualiti. Aini & Burhan (2022) menyatakan kerohanian merupakan elemen penting kepada pembangunan pendakwah orang asli bertujuan memantapkan aspek dalaman pendakwah termasuk akidah, ibadah dan akhlak. Perspektif Barat seperti mana dinyatakan penulis Viktor (1984) dalam buku Man's Search for Meaning pada halaman 55 menyatakan "*One man began to invoke the spirits with a kind of prayer*" atau manusia menyeru kepada kerohanian dengan peribadatan, dan dinyatakan juga dimensi kerohanian adalah penanda kualiti manusia. Oleh itu, kekuatan kerohanian dan pengamalan atau ibadat saling melengkapi

## **Metodologi Kajian**

Kajian ini adalah kajian kualitatif dengan menggunakan soalan temubual sebagai instrumen kajian. Responden kajian adalah pendakwah mualaf lantikan MUIP. Instrumen temubual “ilmu kecerdasan spiritual dalam kalangan pendakwah mualaf telah dibangunkan untuk mengukur tahap pengetahuan, pengalaman pembelajaran, dan keperluan”. Semua soalan dihasilkan berdasarkan dapatan kajian literatur oleh penyelidik dan tidak di adaptasi daripada mana-mana kajian. Namun, bagi memastikan soalan-soalan yang dibina dapat memenuhi tujuan kajian ini dijalankan, soalan temubual ini telah melalui proses pengesahan oleh pakar bidang dan bahasa. Soalan temubual ini telah disahkan oleh tiga pakar dalam bidang; (i) dakwah Orang Asli, (ii) dakwah dan pembangunan belia, dan (iii) pakar bahasa. Jadual 1 menunjukkan bilangan pendakwah mualaf lantikan MUIP:

**Jadual 1: Bilangan Pendakwah Mualaf Lantikan MUIP**

Bangsa	Bilangan
Orang Asli	70
Cina	6
India	2
JUMLAH	78

Sumber: Laporan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Negeri Pahang 2023

Merujuk kepada Laporan Pendakwah Asli dan Selain Asli Lantikan Majlis Ugama Islam Pahang Di Negeri Pahang Darul Makmur 2023, terdapat 78 orang pendakwah lantikan MUIP terdiri pelbagai bangsa (rujuk Jadual 1) dengan majoriti Orang Asli. Persampelan bertujuan memilih 10 pendakwah mualaf dengan justifikasi secara sukarela untuk menyertai sesi temubual.

**Jadual 2: Perincian Responden**

Bil.	Nama	Bangsa	Umur (tahun)	Pengalaman Dakwah (tahun)	Lokasi	Kaedah Temubual
1.	Nasrullah Wong Abdullah	Cina	40	<1 (mula 2023)	Felda Klau, Raub	Dalam Talian
2.	Suzie Samad	Asli	29	3 (mula 2020)	Pos Telanok, Cameron Highland	Dalam Talian
3.	Nizam Abdul Ghani	Asli	50	9 tahun	Koa Dusun Pak Senam	Dalam Talian
4.	Lee Chew Wei	Cina	22	3 tahun	Taman guru	Bersemuka
5.	Mohd. Shukri B. Mohd Yusof	India	28	19 tahun	Perumahan makmur	Bersemuka
6.	Shahrul Wizan Long	Asli	43	8 tahun	Koa Penderas, Temerloh	Dalam Talian
7.	Nurul Fatin	Asli	21	1 tahun	Koa Sg Tiang	Dalam Talian
8.	Romain Abd. Latif	Asli	25	2 tahun	Koa Bertam	Dalam Talian

9.	Mohd. Hasroy Mohd Akhir	Asli	51	22 tahun	Koa Rengun	Dalam Talian
10.	Saerah	Asli	29	3 tahun	Koa Sungai Loon	Dalam Talian

Jadual 2 menunjukkan perincian responden dan kaedah temubual. Secara keseluruhannya tujuh orang responden adalah pendakwah mualaf Orang Asli (70%), dua orang pendakwah mualaf Cina (20%) dan seorang pendakwah mualaf India (10%). Oleh kerana pendakwah mualaf orang asli adalah merupakan kumpulan majoriti pendakwah yang mendaftar di MUIP, maka kajian ini turut melibatkan kumpulan mereka sebagai kumpulan majoriti.

Seterusnya sesi temubual dilaksanakan dengan dua kaedah; bersemuka atau dalam talian bergantung kepada lokasi dan masa. Rakaman hasil temubual diterjemah ke bentuk teks (*text transcription*) berbantuan aplikasi *Inscribe* bertujuan untuk menganalisa dapatan kajian. Analisa terhadap data temubual seterusnya dilakukan secara manual berdasarkan pembolehubah-pembolehubah dalam kajian iaitu pengetahuan, pengalaman dan keperluan pendakwah mualaf terhadap ilmu kecerdasan spiritual. Analisis isi kandungan (*content analysis*) kepada semua jawapan membolehkan maklumat utama kepada persoalan dikenal pasti seterusnya membantu menjawab persoalan mengikut tema kajian.

Dapatan hasil analisis jawapan setiap responden seterusnya adalah dari aspek demografi dan latar belakang pendakwah serta dikaitkan dengan dapatan kajian literatur bertujuan mengenal pasti faktor mempengaruhi pengetahuan ilmu spiritual selain menjawab persoalan kajian.

## Dapatan Dan Perbincangan

### ***Tahap Pengetahuan Pendakwah Mualaf Kepada Ilmu Kecerdasan Spiritual***

Jadual 3 menunjukkan dapat temubual daripada responden yang terlibat.

Responden	Jawapan	Catatan Analisa
1.	<i>apabila orang tanya kita kena jawab betul dan tepat</i> , “ <i>tahu sedikit dari Internet</i> ” dan “ <i>tidak biasa dengan benda macam tu (ilmu spiritual)</i> ”.	Tidak tahu
2.	<i>makrifatullah</i> , mengenal sifat dan nama Allah, “ <i>hubungan hati dengan Allah sehingga mampu melahirkan tindakan positif</i> ”, dan “ <i>adab dan akhlak</i> ”	Tahu
3.	<i>hubungan hati dengan Allah sehingga mampu melahirkan tindakan positif</i> , dan “ <i>adab dan akhlak</i> ”	Tahu

4.	<i>"ilmu SI ini lebih kepada diri kita, dalaman kita itu seseorang itu, apa yang dalam dia, dalam diri dia, kita kata dari segi emosi, dan sebagainya..."</i>	Tahu
5.	<i>"adakah ilmu spiritual berkaitan dengan psikologi seseorang atau berkaitan akidah?"</i>	Sederhana
6.	<i>"...bermaksud lebih kepada kerohanian hati..tak lari dari rukun agama, rukun ibadah, rukun ikhsan, dan saya pasti ilmu SI ini berkait rapat dengan ihsan"</i>	Tahu
7.	<i>"aqidah adalah sebagai kepercayaan dan mengenal Allah".</i>	Sederhana
8.	<i>"tak tahulah...."</i>	Tidak tahu
9.	<i>"tak tahulah...."</i>	Tidak tahu
10.	<i>"kalau rasa sunyi, kalau ada masalah, saya akan cuba mengadu dengan Allah..."</i>	Sederhana

**Jadual 3: Pegetahuan Peserta Tentang Ilmu Kecerdasan Spiritual**

Dapatan kajian keseluruhan tentang pengetahuan responden tentang ilmu kecerdasan spiritual diringkaskan dalam jadual berikut:

**Jadual 4: Ringkasan Dapatan Kajian**

Tema Jawapan	Bilangan Responden	Peratusan
Tahu	4	40%
Sederhana Tahu	3	30%
Tidak Tahu	3	30%

Berdasarkan jawapan responden, 40% daripadanya menunjukkan mereka mempunyai pengetahuan tentang ilmu kecerdasan spiritual. Sebagai contoh jawapan yang diberikan oleh peserta ke dua:

Ilmu kecerdasan spiritual adalah tentang *"makrifatullah, mengenal sifat dan nama Allah, "hubungan hati dengan Allah sehingga mampu melahirkan tindakan positif"*, dan *"adab dan akhlak"*

Jawapan di atas menunjukkan beliau mempunyai pengetahuan yang sangat jelas mengenai ilmu kecerdasan spiritual. Walaubagaimanapun, 30% daripada jawapan responden menunjukkan mereka memiliki pengetahuan yang sederhana atau terdapat sedikit kekeliruan. Sebagai contoh jawapan oleh responden ke lima:

*"adakah ilmu spiritual berkaitan dengan psikologi seseorang atau berkaitan akidah?"*

Jawapan beliau menunjukkan kekeliruan tentang ilmu kecerdasan spiritual sama ada ia berkait dengan ilmu psikologi atau akidah. 30% lagi jawapan responden menunjukkan mereka tidak mempunyai pengetahuan tentang ilmu kecerdasan spiritual. Terdapat juga seorang responden yang menyatakan beliau hanya merujuk maklumat daripada internet dan tidak biasa terdedah dengan ilmu kecerdasan spiritual.

Secara keseluruhannya 60% jawapan responden menunjukkan mereka tidak mempunyai pengetahuan atau pengetahuan mereka berada pada tahap yang sederhana atau masih keliru tentang ilmu kecerdasan spiritual. Dapatkan ini mungkin boleh dikaitkan dengan tahap pendidikan dan latar belakang majoriti responden iaitu orang asli. Muhamad Awang Mat & Abd. Rashid, (2021) berpendapat tahap pendidikan dan status sosial mualaf berkait rapat dengan keupayaan untuk menguasai pengetahuan agama Islam dengan lebih berkesan. Oleh itu, peningkatan taraf pendidikan dalam kalangan Orang Asli menyumbang kepada peningkatan pemahaman mengenai Islam termasuk pengetahuan spiritual.

Walaubagaimanapun, masih terdapat isu utama berkaitan pendidikan Orang Asli, antaranya penghargaan kendiri, adaptasi sosial dan akademik (Primus, Abdullah & Ismail, 2012). Begitu juga dengan faktor ketidakseimbangan atau ketidakselarian budaya Orang Asli dengan sistem pendidikan formal yang turut menyumbangkan kepada isu pendidikan (Renganathan, 2022). Kajian oleh Rosnon, Abu Talib & Dahamat Azam, (2021) mendapati polisi pendidikan Orang Asli Malaysia lebih terhad berbanding polisi pendidikan Orang Asli Australia yang lebih aktif. Oleh kerana ilmu pengetahuan adalah amat penting dalam ajaran Islam, Institut Dakwah Islamiah PERKIM (IDIP) berusaha menyediakan pendidikan (pengajian Islam) kepada mualaf terutama Orang Asli sehingga peringkat Sijil Pengajian Islam di IDIP (Mohamed Shapik, Othman & Abd Latip, 2021).

Kajian mendapati tahap pengetahuan (ilmu spiritual) majoriti responden yang rendah dan sederhana yang selari dengan kajian latar belakang pendidikan mualaf terutama Orang Asli. Sedangkan keperluan bagi seorang pendakwah ialah kekuatan dalam berasaskan kemantapan akidah, ibadah dan akhlak (Aini & Burhan, 2022). Ajaran Islam turut memberi penekanan terhadap usaha memperkasakan kerohanian ke arah pembinaan tamadun yang sejahtera (Kamaruzzaman & Mhd Omar, 2021). Kecerdasan kerohanian juga melambangkan kekuatan kerohanian untuk menghadapi apa juga musibah dalam kehidupan (Abdul Mutualib et al., 2021).

### **Pengalaman Pembelajaran Ilmu Spiritual**

**Jadual 5: Jawapan Responden Berkaitan Pengalaman Pembelajaran Ilmu Spiritual**

Responden	Jawapan	Catatan Analisa
1.	“Belajar dari Internet”, dan “Kelas, tak pernah”	Tidak formal
2.	“Tak pernah, secara formal memang tak pernah, cuma dengar2 dari ceramah”	Tidak formal
3.	“Tak tahu”	Tiada pengalaman
4.	“Tiada jawapan”	Tiada pengalaman
5.	“Tak lagi..Cuma fahaman gitu, kita dengar ustaz <sup>2</sup> cerita”	Tiada pengalaman

6.	<p><i>“...belajar dengan Arwah Ayah, ayah berguru dengan anak murid Tok Kenali”</i></p> <p><i>“...di PETAMA dengan Ust. Razak”, “cuma asas, cara mengenal sifat Allah”</i></p>	Formal
7.	<p><i>“...saya belajar ilmu ini dengan tok guru saya sendiri dari mula saya memeluk Islam sehingga sekarang, dengan pendakwah bebas, tokoh ulama' (Bro Lim Jooi Soon) sedikit sebanyak”</i></p> <p><i>“...topik dia takde lah berkaitan spiritual sangat, tapi orang kata apa, dia ada berkaitan (sipi<sup>2</sup>) spiritual tu...”</i></p>	Formal
8.	<p><i>“...Secara khusus saya belajar dengan guru pembimbing sayalah semasa menuntut di PETAMA dan melanjutkan pelajaran di IDIP Kelantan kemudian mendengar kuliah<sup>2</sup> ilmu<sup>2</sup> akhlak, dan tasawuf dari guru-guru”.</i></p> <p><i>“...secara rasmi takde, yang khusus saya tak ambil, tetapi saya faham saya ada secara khusus tak ambil macam ilmu macam tareqat, tak ambil... tapi saya ada ambil latihan berkaitan ilmu syahadah dan ilmu untuk mencapai rasa ilmu syahadah, selain ilmu musyahadah”.</i></p>	Formal
9.	<p><i>“...Ya, semua pembimbing atau peserta telah diberi kursus oleh MUIP sendiri tentang SI ini, diberi ceramah, diberi kursus bagaimana untuk jalankan dakwah dengan lebih mendalam lagi”</i></p>	Formal
10.	<i>“...ada, belajar di PETAMA”</i>	Formal

Tiga orang (30%) pendakwah mualaf tiada pengalaman terdedah kepada ilmu kecerdasan spiritual (iks). Dua orang (20%) menyatakan mendapat pendedahan terhadap ilmu kecerdasan spiritual secara tidak formal sebagai contoh melalui internet. Lima orang (50%) menyatakan mereka terdedah kepada iks secara formal melalui Pusat Pembangunan Tamadun Masyarakat Asli (PETAMA). Sebahagian responden turut menyatakan mereka mendapat pendedahan daripada ustaz atau tuan guru mereka seperti yang dinyatakan oleh responden ke empat.

Oleh itu secara keseluruhannya sebahagian responden tiada atau kurang pengalaman pembelajaran ilmu spiritual dan boleh dikaitkan dengan dapatan tahap pengetahuan yang rendah dan sederhana. Sebaliknya sebahagian responden lain mempunyai pengalaman pembelajaran ilmu spiritual menerusi pembelajaran formal, tidak formal, tidak khusus, atau secara berguru. Oleh itu, secara umum, responden tiada atau sangat kurang pengalaman pembelajaran ilmu spiritual. Dapatan ini juga selari dengan dapatan persoalan kajian yang pertama. Oleh kerana pendakwah mualaf kurang mendapat pendedahan tentang ilmu kecerdasan spiritual maka sebahagian daripada mereka tidak mempunyai pengetahuan tentang ilmu tersebut.

Sedangkan ilmu kecerdasan spiritual merupakan salah satu elemen sangat penting dalam pembentukan keperibadian individu atau personaliti seorang pendakwah (Sudi et al., 2020). Ini

adalah kerana pendakwah adalah individu yang bertanggungjawab mengubah individu lain ke arah kebaikan, dan dalam konteks kajian ini, dakwah untuk menerima ajaran agama Islam. Ini adalah kerana ajaran Islam adalah sebuah pegangan yang indah dan perlu disampaikan kepada semua terutamanya mereka yang belum menerima Islam (Hashim & Hashim, 2023). Tambahan pula sememangnya terdapat perkaitan signifikan antara kecerdasan spiritual atau kerohanian dengan kesihatan kerohanian sekaligus menunjukkan kepentigan kesihatan kerohanian dalam membentuk kesejahteraan manusia. Manakala pengabaian pembangunan kerohanian sebaliknya tumpuan kemajuan kebendaan memungkinkan penyakit mental yang menyebabkan sifat materialistik dalam diri individu (Badrudin et al., 2021).

### ***Keperluan Ilmu Spiritual Untuk Pendakwah Mualaf***

Persoalan seterusnya berkaitan keperluan ilmu spiritual untuk pendakwah mualaf bertujuan memperkasakan atau memantapkan usaha dakwah. Secara keseluruhan, semua responden menyatakan perlu ilmu spiritual dalam usaha dakwah. Dapatkan kajian adalah seperti yang dipaparkan dalam jadual 6.

**Jadual 6: Faktor Keperluan Ilmu Spiritual Untuk Pendakwah Mualaf**

Responden	Jawapan	Catatan Analisa
1.	<i>“Perlu, saya pun nak belajar juga”</i>	Perlu
2.	<i>“diperlukanlah, oleh pendakwah<sup>2</sup> mualaf sebab hari ni, sebab pendakwah<sup>2</sup> mualaf berhadapan segala ancaman, dari pelbagai arah, aspek contohnya macam dari Madd'un orang yang didakwah sendiri, tak betul<sup>2</sup> faham tentang Islam yang sebenarnya macam mana, kemungkinan besar perkara ni akan menjerumuskan (madd'un) kepada fahaman pluralisme....”</i>	Perlu
3.	<i>“...diperlukan oleh pendakwah bagi memperkasakan dakwah Islamiah”</i>	Perlu
4.	<i>“...supaya dapat bila saya mengetahui tentang SI ini, maka saya mudah menyampaikan dakwah kepada masyarakat”</i>	Perlu
5.	<i>“...sebab ilmu SI perlu dalam berdakwah, untuk memantapkan lagi (dakwah)”</i>	Perlu
6.	<i>“Apa yang diperlukan ialah ilmu yang banyak lagi tentang SI supaya pendakwah maju ke depan lagi cara berdakwah dengan baik”</i>	Perlu
7.	<i>“Perlu untuk sampaikan dakwah, kita kena lebih tahu”</i>	Perlu
8.	<i>“Perlu, sebab ilmu SI perlu dalam berdakwah, untuk memantapkan lagi”</i>	Perlu

9.	<i>“Saya perlukan kursus berkomunikasi dalam Bahasa melayu, saya nak belajar cara berdakwah”</i>	Memerlukan kursus lain
10.	Tiada jawapan	Tidak Pasti

Secara keseluruhan, hasil temubual mendapati majoriti responden (80%) daripada peserta kajian memerlukan ilmu kecerdasan spiritual. Hanya terdapat seorang peserta kajian (10%) memerlukan kursus lain iaitu komunikasi dan cara berdakwah dan seorang lagi (10%) tidak memberi jawapan. Oleh itu, pendakwah mualaf bersetuju bahawa mereka memerlukan pendedahan kepada ilmu kecerdasan spiritual untuk memantapkan usaha dakwah mereka.

Oleh itu majoriti responden menyatakan sangat perlu ilmu spiritual diterapkan atau disampaikan bertujuan memantapkan dan memperkasakan dakwah. Apatah usaha dakwah masa kini sangat mencabar lantaran perubahan sosial masyarakat akibat ledakan maklumat dan interaksi komunikasi maya hasil perkembangan teknologi. Selain itu, *madd'u* (orang didakwah) mungkin lebih berpendidikan (*educated*) dan kritikal pada menerima dakwah. Oleh itu, ilmu spiritual sangat penting kepada pendakwah terutama pendakwah mualaf.

Keperluan ilmu spiritual atau kerohanian dalam kalangan pendakwah terutama pendakwah mualaf turut dinyatakan oleh Sudi et al. (2020). Beliau menyatakan kecerdasan spiritual penting untuk pembentukan keperibadian individu. Abdulah, (2017) turut menyatakan antara elemen utama yang perlu ada dalam diri pendakwah ialah kekuatan kerohanian.

Kesimpulannya berdasarkan dapatan kajian dan tinjauan literatur, ilmu kecerdasan spiritual adalah sangat diperlukan bagi membina potensi insan menyeluruh apatah pada usaha dakwah. Persamaan situasi ini (hasil analisis temubual kajian dan dapatan tinjauan literatur) mungkin dipengaruhi faktor individu yang memerlukan kekuatan dalaman atau rohani sebagai teras jati diri dalam melaksanakan usaha dakwah yang penuh dengan dugaan dan cabarannya yang tersendiri. Said, Ahmadun & Jasni (2023), turut menyatakan kepentingan ilmu kecerdasan spiritual dalam membantu individu untuk lebih berdaya tahan, menyemai nilai kasih sayang dan belas kasihan dalam menghadapi cabaran dalam kehidupan.

### Kesimpulan

Kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap pengetahuan dan keperluan terhadap ilmu spiritual dalam kalangan pendakwah mualaf lantikan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP). Kajian ini mendapati majoriti responden menyatakan mereka tidak tahu atau mereka mempunya pengetahuan yang sederhana tentang ilmu kecerdasan spiritual. Dapatkan ini selari dengan latar belakang pendakwah yang majoritinya tidak berpendidikan tinggi. Oleh itu terdapat keperluan terhadap usaha meningkatkan pengetahuan dikalangan pendakwah, terutamanya pendakwah mualaf terutama berkaitan pendidikan Islam, dan ilmu kecerdasan spiritual, dan kemahiran dakwah untuk memperkasakan usaha dakwah di negeri Pahang.

Pengalaman pembelajaran ilmu spiritual dikalangan pendakwah mualaf secara formal juga adalah masih rendah. Kebanyakannya menyatakan mereka mendapat pendedahan tentang ilmu kecerdasan spiritual secara berguru. Dapatkan ini menunjukkan terdapat keperluan untuk membangunkan modul dan latihan ilmu kecerdasan spiritual bagi pendakwah mualaf terutama

pada peringkat awal lantikan pendakwah oleh agensi berkaitan. Oleh itu, dapatan kajian ini berjaya memberi jawapan kepada tahap pengetahuan, pengalaman dan keperluan terhadap pendedahan ilmu kecerdasan spiritual di kalangan pendakwah mualaf negeri Pahang. Dengan adanya modul ilmu kecerdasan spiritual itu nanti, diharap ia dapat menyumbang dan membantu meningkatkan atau memperkasakan usaha dakwah terutama dalam kalangan pendakwah mualaf untuk meninggikan syiar Islam di Malaysia khususnya di negeri Pahang.

### Penghargaan

Kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam kajian ini khususnya Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) yang telah menyediakan bantuan kewangan di bawah Geran Industri No. RDU230701 dan Universiti Malaysia Pahang khususnya Pusat Sains Kemanusiaan selaku pihak yang bertanggunjawab dalam pengurusan projek ini.

### Rujukan

- Abdullah, F. (2017). Elements of emotional and spiritual intelligence in Mohammad Natsir's approach of da'wah. *Intellectual Discourse*. 25(1): 55-75. Capaian: <https://journals.iium.edu.my/intdiscourse/index.php/id/article/view/992>
- Abdul Mutalib, M.M., Ahmad, Y., Baharuddin, D. F. & Md Hamdani, S. (2021). Kecerdasan Kerohanian Muslim Sebagai Pemungkinan Kekuatan Jiwa Menempuh Musibah Covid-19: Sumbangan Pemikiran Said Hawwa Menerusi Buku Tarbiyatuna Al-Ruhayyah. *Malaysian Journal of Islamic Movements and Muslim Societies*. 1(2): 101-120.
- Aini, Z., dan Burhan, N. I. H. (2022). Pembangunan Pendakwah Orang Asli Daripada Aspek Kerohanian: Satu Pendekatan Fuzzy Delphi. *Al-Hikmah*, 14(2), 24-47. Capaian: <https://spaj.ukm.my/jalhikmah/index.php/jalhikmah/article/view/489>
- Al-Dzaki, H., Bakran, B. & Dzikry, S. (2006). *Prophetic Intelligence kecerdasan kenabian: Menumbuhkan potensi hakiki insan melalui pengembangan kesehatan ruhani*. Yogyakarta: Pustaka Al - Furqan. Capaian: [https://perpustakaan.uin-antasari.ac.id/dakwah/index.php?p=show\\_detail&id=12972](https://perpustakaan.uin-antasari.ac.id/dakwah/index.php?p=show_detail&id=12972)
- Al-Jamali (1967). *Tarbiyah al-Insan al-Jadid*. Tulis: *al-Matba`ah al-Ittihad al-`Anal Tunisi. Jariah Abdullah*. 1997. *Konsep Kejadian Manusia Menurut al-Quran dan Sains. Dalam Menjana Keilmuan Islam*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia
- Al-Nahlawi (2005). *Usul al-Tarbiyah al-Islamiyah wa Asalibuhu fi al-Bait wa al-Madrasah wa al-Mujtama'*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Al-Qur'an al-Karim dan Terjemahan Tafsir Pimpinan Ar-Rahman.
- Al-Qaradawi, Yusuf. (2004). *Fi Fiqh al-Awlaiyyat: Dirasah Jadidah Fi Daw' al-Qur'an Wa al-Sunnah*. Al-Qahirah: Maktabah Wahbah
- Arifin, S. (2014). Islam ditinjau dalam aspek pendidikan. *Tarbiyatuna*. 8(1): 107-129.
- Awang Mat, M. Z. & Abd. Rashid, A. (2021). Sosiologi Pendidikan Mualaf. Prosiding Sistem Pendidikan Islam (Mualaf) di Malaysia. Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah. Capaian: [https://www.islam.gov.my/images/ePenerbitan/buku/Prosiding\\_Sistem\\_Pendidikan\\_Islam\\_Mualaf\\_di\\_Malaysia\\_2021.pdf](https://www.islam.gov.my/images/ePenerbitan/buku/Prosiding_Sistem_Pendidikan_Islam_Mualaf_di_Malaysia_2021.pdf)
- Badrudin, B., Komariah, A., Wijaya, C., Barowi, B., Akib, A., dan Samrin, S. (2021). Effect Of Spiritual Intelligence On Spiritual Health During The Covid-19 Pandemic. *HTS Teologiese Studies / Theological Studies*. 77(1): 1-5. DOI: <https://doi.org/10.4102/hts.v77i1.6594>

- Burhan, N. I. H. dan Aini, Z. (2021). Analisis Literatur Sistematik (SLR) terhadap Elemen Pembangunan Pendakwah. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*. 4(3): 145-1964. Capaian: <https://bitarajournal.com/index.php/bitarajournal/article/view/222/198>
- Desa@Man, N., Tengku Puji, T. I. Z. & Sabri Mohamad, S. (2018). Menangani Keruntuhan Akhlak Masa Kini Menurut Islam. *Jurnal al-Turath*. 3(1:2018): 55-63. Capaian: <http://journalarticle.ukm.my/15742/1/62-138-1-PB.pdf>
- Hamzah, R., Md Isa, K. & Mohd Jonor, R. (2010). Spiritual Education Development Model. *Journal of Islamic and Arabic Education*. 2(2):1-12
- Hanefar, S., Siraj, S. & Sa'ari, C. Z. (2015). The Application of Content Analysis Toward The Development of Spiritual Intelligence Model for Human Excellence (SIMHE). *Procedia-Social and Behavioural Sciences*. 17: 603-610
- Hashim, N. S., & Hashim, N. (2023). Pengajaran Subjek Agama Islam Terhadap Pelajar Non-Muslim Di UiTM Perlis. *International Journal of Modern Education*, 5 (17), 385-406.
- Jumahat, T., Bensaid, B., dan Nordin, M. S. (2014). Pembinaan kerangka konsep dan eksplorasi awal model pengukuran kecerdasan spiritual dari perspektif Islam. *The 9th International Malaysian Studies Conference (MSC9)*.
- Kamaruzzaman, K. and Mhd Omar, M. F. H. (2021). Aktivisme Sosial dan Pembangunan Modal Insan Menerusi Aktivisme Dakwah, Ilmu Pengetahuan, Kerohanian dan Akhlak. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*. 6(11): 159 - 172. DOI: 10.47405/mjssh.v6i11.1137.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2023). Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Capaian: <https://www.moe.gov.my/index.php/dasarmenu/falsafah-pendidikan-kebangsaan>
- Kenneson, Philip D. (2015), "What's in a Name? A Brief Introduction to the "Spiritual But Not Religious""", *Liturgy*, 30 (3): 3–13,
- Majlis Ugama Islam Pahang (2023). Dokumen Penyelaras Pembangunan Insaniah Masyarakat Asli (PePIMA), Majlis Ugama Islam Pahang dan Yayasan Pahang 2023.
- Mat Rani, S.A., Mohd Arif, M.I.A., Mat Rani, M.A., Adenan, F., Bhari, A., Said, S., dan Izham, S.S. (2022). Empowerment Of Mualaf Education Module: Aspirations For Excellence In Knowledge Development In The State Of Selangor: Pemerkasaan Modul Pendidikan Mualaf: Aspirasi Kecemerlangan Pembangunan Ilmu Di Negeri Selangor. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*. 25(2): 49–63. Capaian: <https://al-qanatir.com/aq/article/view/400>
- Md Sham, F., Hamjah, S. H., & Sharifudin, M. J. (2017). *Personaliti dari Perspektif al-Ghazali*. Selangor, Bangi: UKM Press.
- Meerangani, K. A., (2019). Cabaran dakwah terhadap golongan non Muslim di Malaysia. *Jurnal Maw'izah*. 2(1): 14-22.
- Mohamed Shapik, M. Z., Baharudin Othman, B. dan Abd Latip, M.S. (2021). Hala Tuju Institut Pengajian Islam Dan Dakwah Sabah Sebagai Institusi Pendidikan Tinggi Mualaf. Prosiding Sistem Pendidikan Islam (Mualaf) di Malaysia. Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah. Capaian: [https://www.islam.gov.my/images/ePenerbitan/buku/Prosiding\\_Sistem\\_Pendidikan\\_Islam\\_Mualaf\\_di\\_Malaysia\\_2021.pdf](https://www.islam.gov.my/images/ePenerbitan/buku/Prosiding_Sistem_Pendidikan_Islam_Mualaf_di_Malaysia_2021.pdf)
- Munawar, K., & Tariq, O. (2018). Exploring Relationship Between Spiritual Intelligence, Religiosity and Life Satisfaction Among Elderly Pakistani Muslims. *Journal of religion and health*, 57(3), 781–795. <https://doi.org/10.1007/s10943-017-0360-x>
- Najati, M. U., (1992). al-Hadith al-Nabawi wa 'Ilm al-Nafs. Lubnan: Dar al-Shuruq.

- Primus, D., Abdullah, M. N. L. Y. & Ismail, A. (2017). Indigenous Students' Challenges, Adaptation and Self-Esteem During Post-Secondary Education: A Study On Selected Malaysian Public Universities. *Malaysia Online Journal of Educational Management*. 5(1): 16-28. DOI: <https://doi.org/10.22452/mojem.vol5no1.2>
- Rahman, H. A., dan Muhamad, S. N. (2022). Aplikasi Teknik Rasulullah Dalam Membentuk Kecerdasan Emosi (Application Of Rasulullah's Technique In Shaping Emotional Intelligence). *UMRAN-International Journal of Islamic and Civilizational Studies*. 9(1): 107-114.
- Rani, S. A. M., Arif, M. I. A. M., Rani, M. A. M., Adnan, F., Bhari, A., dan Said, S. (2022). Pemerkasaan Modul Pendidikan Muallaf: Aspirasi Kecemerlangan Pembangunan Ilmu di Negeri Selangor. *International Journal of Islamic Studies*, 25(2).
- Rosnon, M. R., Abu Talib, M. & Dahamat Azam, M. N. (2021). Symbolic Self-Determination: The Case of Malaysia and Australia's Indigenous Education Policy. *Kajian Malaysia*. 39(1): 25-53. DOI: 10.21315/km2021.39.1.2
- Said, R. F., Ahmadun, M., & Jasni, N. A. (2023). The Role of Islamic Spiritual in Industrial Training for Agricultural Students. *International Journal of Modern Education*, 5(17): 71-283
- Saper, M.N. (2012). Pembinaan modul bimbingan tazkiyah An-nafs' dan kesannya ke atas religiositi dan resiliensi remaja. *Tesis Doktor Falsafah*. Universiti Utara Malaysia.
- Sudi, S., Md Sham, F., dan Yama, P. (2020). Iman Kepada Allah Sebagai Asas Kecerdasan Spiritual Muslim. *e-Proceeding of The 2nd International Conference On Contemporary Issues in Al-Quran and Hadith 2020 (THIQAH 2020)*. 21-24 Februari. Jogjakarta. Indonesia. e-ISBN e978-967-2122-86-9.
- Sudi, S., Md Sham, F., dan Yama, P. (2017). Kecerdasan spiritual menurut perspektif hadis. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*. 2 (2): 1–11.
- Sudi, S., Md Sham, F., dan Yama, P. (2019). Tawakal sebagai elemen kecerdasan spiritual menurut perspektif Hadis. *Jurnal Pengajian Islam*, 12(2), 157-167.
- Sumathi Renganathan, S. (2022). Research concerning the Indigenous Orang Asli and education: a review of problem representations. *DIASPORA, INDIGENOUS, AND MINORITY EDUCATION*. 16(3): 200-211. DOI: <https://doi.org/10.1080/15595692.2021.2007073>
- Tamuri, A. H. (2021). Falsafah Pendidikan Islam Dalam Kalangan Mualaf. Sosiologi Pendidikan Mualaf. *Prosiding Sistem Pendidikan Islam (Mualaf) di Malaysia*. Sabah: Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah. Capaian: [https://www.islam.gov.my/images/ePenerbitan/buku/Prosiding\\_Sistem\\_Pendidikan\\_Islam\\_Mualaf\\_di\\_Malaysia\\_2021.pdf](https://www.islam.gov.my/images/ePenerbitan/buku/Prosiding_Sistem_Pendidikan_Islam_Mualaf_di_Malaysia_2021.pdf)
- Tan, R., & Abiddin, N.Z., (2016). Tinjauan Permasalahan Akhlak Belia di Institusi Pengajian Tinggi. *Mimbar Pendidikan: Jurnal Indonesia untuk Kajian Pendidikan*. 1(2): 161-178. Capaian: <https://ejournal.upi.edu/index.php/mimbardik/article/view/3939>
- Undang-undang Negeri Pahang (1991). Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam 1991 (Enakmen No. 3/1991). Dengan Enakmen Pindaan No. 5/2001. Bahagian II - Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang. Seksyen 5. Kuasa dan fungsi Majlis. Capaian [http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/State\\_Enact\\_Upd.nsf/f831ccddd195843f48256fc600141e84/7b94cc5c63ef0d8d4825736a0018ca87?OpenDocument](http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/State_Enact_Upd.nsf/f831ccddd195843f48256fc600141e84/7b94cc5c63ef0d8d4825736a0018ca87?OpenDocument)

- Viktor E. Frankl. (1984). *Man's Search For Meaning*. WASHINGTON SQUARE PRESS.  
Capaian: [https://ia801809.us.archive.org/19/items/mans-search-for-meaning\\_202104/Man%27s%20Search%20For%20Meaning.pdf](https://ia801809.us.archive.org/19/items/mans-search-for-meaning_202104/Man%27s%20Search%20For%20Meaning.pdf)
- Zohar, D & Marshall, I (2000). SQ - Spiritual Intelligence, The Ultimate Intelligence. *AJM* January 2001. Capaian: <http://www.alisonmorgan.co.uk/Zohar.htm>.
- Zohar, D. & Marshall, I. (2004). *Spiritual Capital; The Wealth We Can Live By*. San Francisco: Berrett-Koehler Pub. Inc